



Jawapan Praktis Ekstra Bab 1(a)

1. (a) Terangkan konsep yang berikut.

(i) Barang awam

Barang awam merupakan barang yang dapat digunakan oleh seseorang individu tanpa mengurangkan faedah penggunaan individu lain dan individu lain tidak boleh menghalang individu lain daripada menggunakaninya. Contoh barang awam ialah jalan raya, klinik kerajaan dan sekolah kerajaan.


(ii) Barang sosial

Barang sosial ialah barang atau perkhidmatan yang membawa manfaat terbesar kepada semua masyarakat seperti sistem pendidikan dan sistem kesihatan negara.

(b) Gambar di bawah menunjukkan dua jenis barang dalam ekonomi.



Dengan menggunakan peta i-THINK yang sesuai, bandingkan kedua-dua jenis barang tersebut.



Terima jawapan lain yang munasabah

2. Jelaskan sebab kerajaan perlu memainkan peranan dalam

(a) mengurangkan kadar pengangguran

Kadar pengangguran yang tinggi bermakna ramai penduduk di sesebuah negara tidak mempunyai pekerjaan. Mereka tidak mempunyai sumber pendapatan yang tetap untuk menyara hidup. Ini mungkin akan menyebabkan masalah jenayah dan masalah sosial meningkat dan akhirnya kebajikan masyarakat terancam.

(b) menstabilkan harga pasaran

Harga barang terlalu tinggi akan menyebabkan berlakukan inflasi. Keadaan inflasi akan menyebabkan kos sara hidup tinggi kerana penduduk terpaksa membayar lebih untuk mendapatkan barang atau perkhidmatan yang diperlukan. Akibatnya taraf hidup penduduk menurun, kebajikan masyarakat terancam.

3. Maklumat di bawah berkaitan dengan peranan yang dimainkan oleh kerajaan.

- Kit Ujian Kendiri COVID-19 dijadikan Barang Kawal, Harga ditetapkan RM19.90
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Pastikan Peniaga Patuh, Jual Kit RTK Ikut Harga Siling

(a) Apakah yang dimaksudkan dengan barang kawalan?

Barang kawalan merupakan barang atau perkhidmatan yang dijual beli tetapi barang tersebut dikawal dari segi harganya agar para peniaga tidak menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya. Kebanyakan harga bagi barang terkawal adalah dijual di bawah atau mengikut paras harga maksimum seperti yang telah ditetapkan

(b) Pada pendapat anda, mengapa kit ujian kendiri COVID-19 terpilih sebagai barang kawal?

Kit ujian kendiri COVID-19 telah menjadi bahan keperluan asas penduduk dalam keadaan endemik ini. Ia dipilih sebagai barang kawal supaya pengguna dapat membelikannya dengan harga yang berpatutan, ia juga dapat mengelakkan pengguna daripada tertindas oleh pihak peniaga yang tidak bertanggungjawab.

4. Maklumat di bawah menunjukkan bilangan kakitangan awam di Malaysia.

PUTRAJAYA: Jumlah penjawat awam setakat Mac tahun ini berjumlah 1.71 juta, kata Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Dr Ismail Bakar.

Katanya, sebagai golongan yang utama, angkatan tentera mempunyai 152 957 orang penjawat awam, polis 128 536 orang, 665 068 orang penjawat awam pelbagai skim, 523 226 orang di sektor pendidikan dan 240 745 orang di sektor kesihatan.

"Sebagai penjawat awam, kita mesti sentiasa meningkatkan kualiti kerja dan perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat seperti yang diharapkan oleh Perdana Menteri, menggesa kita untuk melaksanakan tugas dengan amanah dan berintegriti," katanya di majlis perjumpaan bersama Perdana Menteri dan pegawai kerajaan.

Sumber: Dipetik dan diubahsuai dari berita NST, 19 April 2019

- (a) Apakah peranan kerajaan di atas?

Peranan kerajaan sebagai majikan

- (b) Nyatakan **empat** faedah sampingan yang diterima oleh kakitangan awam.

(i) **Pencen selepas bersara**

(ii) **Imbuhan tetap khidmat awam**

(iii) **Cuti bersalin selama dua bulan**

(iv) **Cuti tahunan mengikut kelayakan**

- (c) Kakitangan awam penting bagi sesebuah negara. Jelaskan pendapat anda.

(i) **Untuk menyediakan perkhidmatan awam**

(ii) **Untuk mengurangkan kadar pengangguran dalam sesebuah negara**

(iii) **Untuk membantu pertumbuhan ekonomi**

5. Dengan menggunakan rajah yang sesuai, senaraikan jenis-jenis eksternaliti negatif terhadap alam sekitar akibat daripada aktiviti ekonomi.



Terima jawapan lain yang munasabah

6. Lengkapkan jadual berikut dengan usaha-usaha kerajaan untuk mengawal selia pengeluar dan eksternaliti negatif.

	Eksplotasi Pengguna	Eksternaliti Luar
Undang-undang	<ul style="list-style-type: none"> Menentukan barang kawalan Dasar harga (harga maksimum/ harga minimum) Kuota Label pada produk (tarikh luput, bahan yang digunakan, SIRIM, logo Halal) 	<ul style="list-style-type: none"> Lesen perniagaan Penentuan kawasan perindustrian Pemantauan aktiviti pengeluaran firma
Subsidi	<ul style="list-style-type: none"> Subsidi kepada pengeluar bagi mengurangkan kos pengeluaran 	<ul style="list-style-type: none"> Subsidi kepada firma untuk menggunakan teknik pengeluaran yang mesra alam
Cukai	<ul style="list-style-type: none"> Mengenakan cukai terhadap barang yang membahayakan kesihatan pengguna 	<ul style="list-style-type: none"> Mengenakan cukai terhadap pengeluaran barang atau perkhidmatan yang tidak mesra alam

7. Ramalkan ekonomi negara Malaysia jika kerajaan tidak bercampur tangan dalam ekonomi Malaysia.

- Wujudnya ketidakstabilan harga
- Jurang perbezaan pendapatan individu semakin besar
- Ekonomi mengalami turun naik/ketidakstabilan ekonomi
- Berlakunya inflasi
- Peningkatan kadar pengangguran
- Berlakunya masalah sosial
- Kemudahan awam terhad
- Tiada perlindungan kepada masyarakat berpendapatan rendah
- Peniaga akan meningkatkan harga untuk barang keperluan
- Wujudnya monopoli dan firma besar menguasai pasaran
- Ketidakstabilan nilai mata wang di pasaran pertukaran asing



Jawapan Praktis Ekstra Bab 1(b)

1. Penunjuk ekonomi ialah data-data (a) ekonomi yang digunakan oleh penganalisis ekonomi untuk mentafsir (b) prestasi ekonomi sesebuah negara secara (c) keseluruhan.


2. Tiga penunjuk ekonomi ialah:

- (a) Indeks harga pengguna (IHP)
- (b) Kadar pengangguran
- (c) Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

3. Lengkapkan jadual berikut.

Konsep ekonomi	Definisi
(a) Indeks Harga Pengguna	Penunjuk ekonomi yang digunakan untuk <u>mengkaji perubahan tingkat harga umum dalam ekonomi</u> .
(b) Inflasi	Kenaikan <u>tingkat harga umum</u> barang dan perkhidmatan secara <u>berterusan</u> .
(c) Pengangguran	Satu keadaan di mana terdapat <u>tenaga buruh yang sanggup bekerja</u> tetapi gagal mendapat sebarang pekerjaan.
(d) Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)	<u>Jumlah nilai pasaran barang dan perkhidmatan akhir</u> yang dikeluarkan dengan menggunakan <u>semua sumber ekonomi</u> dalam tempoh <u>satu</u> tahun.
(e) Pertumbuhan ekonomi	Merujuk <u>perkembangan aktiviti ekonomi</u> dari semasa ke semasa yang menyebabkan <u>peningkatan</u> dalam Keluaran Dalam Negara Kasar.

4. (a) Dengan menggunakan rajah yang sesuai, tunjukkan jenis-jenis pengangguran.



Terima jawapan lain yang munasabah

5. Jadual di bawah menunjukkan penunjuk ekonomi Malaysia pada tahun 2014 hingga tahun 2016.

Penunjuk ekonomi utama	Tahun 2014	Tahun 2015	Tahun 2016
Penduduk (juta orang)	30.7	31.2	31.7
Tenaga buruh (juta orang)	14.3	14.5	14.7
Guna tenaga (juta orang)	13.9	14.1	14.2
Pengangguran (% daripada tenaga kerja)	2.9	3.1	3.4
KDNK pada harga malar 2010 (RM bilion)	1 012.4	1 063.4	1 108.2
KDNK pada harga malar 2010 (% Perubahan)	6.0	5.0	4.2
Indeks harga pengguna (% Perubahan tahunan)	3.2	2.1	2.1

(Sumber: Statistik Utama KPDKKK – Mei 2017)

- (a) Bilakah Malaysia mencatat kadar inflasi yang paling tinggi?

Tahun 2014

- (b) Jelaskan hubung kait antara kadar pengangguran dengan peratus perubahan KDNK dari tahun 2014 hingga tahun 2016.

Kadar pengangguran semakin meningkat disebabkan penurunan dalam pertumbuhan KDNK.

- (c) Jelaskan arah aliran KDNK dari tahun 2014 hingga tahun 2016.

Nilai KDNK semakin meningkat dari tahun 2014 hingga tahun 2016, iaitu meningkat daripada RM1 012.4 bilion kepada RM1 108.2 bilion. Walau bagaimanapun, dari segi peratus perubahan, KDNK menurun secara berterusan dari tahun 2014 hingga tahun 2016, iaitu menurun daripada 6.0% kepada 4.2%.

- (d) Jelaskan arah aliran pengangguran dari tahun 2014 hingga tahun 2016.

Kadar pengangguran semakin meningkat dari tahun 2014 hingga tahun 2016. Ia meningkat daripada 2.9% pada tahun 2014 kepada 3.1% pada tahun 2015, kemudian terus meningkat kepada 3.4% pada tahun 2016.

6. Maklumat di bawah berkaitan dengan Indeks Harga Pengguna di Malaysia.

Indeks harga pengguna (IHP) Malaysia bagi tempoh enam bulan pertama 2017 mencatat kenaikan sebanyak 4.1% berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun lepas. Oleh itu, Malaysia mungkin mencatat kenaikan dalam kadar inflasi pada tahun 2017 berbanding dengan tahun 2016.

- (a) Jelaskan punca berlaku masalah tersebut.

Punca-punca kenaikan indeks harga pengguna Malaysia:

Kenaikan harga makanan dan minuman

- Makanan dan minuman bukan beralkohol mempunyai wajaran yang tinggi. Kenaikan harga makanan dan minuman akan menyebabkan kenaikan indeks harga pengguna.

Kejatuhan nilai Ringgit Malaysia berbanding dengan Dolar Amerika Syarikat

- Ini menyebabkan kenaikan harga barang khususnya barang makanan yang diimport dan juga bahan mentah.

Kenaikan kos pengangkutan

- Kenaikan harga bahan pelincir serta harga minyak memberi kesan kepada kenaikan kos pengangkutan dan ini memberi impak kepada kenaikan harga barang dan perkhidmatan.

- (b) Bagaimakah masyarakat boleh membendung masalah tersebut?

Tindakan yang boleh diambil oleh individu atau masyarakat:

Merancang perbelanjaan

- Masyarakat perlu mengamalkan tabiat membuat bajet dan mengurangkan pembaziran untuk pembelian barang makanan.

Pengangkutan awam

- Masyarakat perlu berubah kepada pengangkutan awam yang jauh lebih murah berbanding dengan penggunaan kereta sendiri.

Taman dapur

- Sesuai dengan saranan kerajaan, masyarakat perlu berusaha untuk menanam sayur sendiri dan mengurangkan pembelian sayur-sayuran di pasaran.

Mengutamakan barang tempatan

- Pembelian barang tempatan dapat mengurangkan tekanan kepada nilai Ringgit Malaysia.

7. Petikan di bawah berkaitan dengan satu projek pembinaan infrastruktur di Malaysia.

Lebuhraya Utara-Selatan merupakan lebuh raya yang terpanjang di Malaysia. Ia merangkumi 772 kilometer dari Bukit Kayu Hitam di Kedah berhampiran sempadan Malaysia-Thailand ke Johor Bahru di bahagian selatan Semenanjung Malaysia. Lebuh raya ini menghubungkan bandar utama di Semenanjung Malaysia dan ia menjadi 'tulang belakang' bagi rangkaian pengangkutan di Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Lebuhraya Utara-Selatan merupakan laluan alternatif yang paling cepat di mana mengurangkan tempoh perjalanan di antara bandar-bandar tersebut.

(Dipetik dan disesuaikan daripada: www.plus.com.my)

Jelaskan bagaimana Lebuhraya Utara-Selatan membantu pertumbuhan ekonomi negara Malaysia dalam aspek berikut.

- (a) Aktiviti perniagaan

Lebuh raya membantu melancarkan aktiviti perniagaan seperti pengedaran barang dan pembelian stok.

- (b) Pelaburan asing

Meningkatkan pelaburan asing kerana jika pelabur mendapati kemudahan jalan raya di sesuatu tempat adalah sempurna, mereka yakin kemudahan tersebut akan lebih melancarkan aktiviti pengeluaran mereka.

- (c) Pelancongan

Industri pelancongan berkembang pesat kerana lebuh raya memudahkan pergerakan pelancong ke seluruh negara dengan kos pengangkutan yang rendah.



Jawapan Praktis Ekstra Bab 1(c)

1. Jadual di bawah menunjukkan hasil kerajaan persekutuan pada suatu tahun tertentu.

Butiran	RM juta
Cukai pendapatan syarikat	36 210
Lesen dan permit	10 012
Duti eksais	12 026
Cukai jualan	8 411
Cukai pendapatan perseorangan	19 867
Duti eksport	2 195
Cukai perkhidmatan	4 125
Cukai tidak langsung lain	4 761
Pendapatan pelaburan	33 174
Cukai pendapatan petroleum	21 786
Cukai langsung lain	6 120
Hasil bukan cukai lain	7 138
Jumlah	165 825

- (a) Komponen manakah merupakan penyumbang terbesar kepada jumlah hasil kerajaan persekutuan?

Cukai pendapatan syarikat

- (b) Hitungkan jumlah hasil kerajaan daripada setiap sumber berikut:

- (i) Cukai langsung

$$\text{RM}(36\,210 + \text{RM}19\,867 + \text{RM}6\,120) \text{ juta}$$

$$= \text{RM}83\,983 \text{ juta}$$

- (ii) Cukai tidak langsung

$$\text{RM}(12\,026 + \text{RM}8\,411 + \text{RM}2\,195 + \text{RM}4\,125 + \text{RM}4\,761) \text{ juta}$$

$$= \text{RM}31\,518 \text{ juta}$$

- (iii) Hasil bukan cukai

$$\text{RM}(10\,012 + \text{RM}33\,174 + \text{RM}7\,138) \text{ juta}$$

$$= \text{RM}50\,324$$

- (c) Hitungkan peratus sumbangan cukai berikut kepada jumlah hasil cukai kerajaan

- (i) Cukai langsung

$$= \frac{\text{RM}83\,983 \text{ juta}}{\text{RM}(83\,983 + 31\,518) \text{ juta}} \times 100$$

$$= \frac{\text{RM}83\,983 \text{ juta}}{\text{RM}115\,501 \text{ juta}} \times 100$$

$$= 72.71\%$$

(ii) Cukai tidak langsung

$$\begin{aligned} &= \frac{\text{RM}31\,518 \text{ juta}}{\text{RM}(83\,983 + 31\,518) \text{ juta}} \times 100 \\ &= \frac{\text{RM}31\,518 \text{ juta}}{\text{RM}115\,501 \text{ juta}} \times 100 \\ &= 27.29\% \end{aligned}$$

2. Jadual di bawah menunjukkan anggaran perbelanjaan kerajaan persekutuan pada tahun 2017.

Item	RM juta
Sektor ekonomi	16 489
Emolumen	77 422
Perkhidmatan dan bekalan	32 020
Sektor keselamatan	24 615
Pemberian dan kenaan bayaran tetap	103 850
Sektor pentadbiran am	11 288
Sektor sosial	85 976
Aset	691

(Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, tahun 2016)

Berdasarkan jadual di atas,

(a) Nyatakan **tiga** perbelanjaan mengurus.

Emolumen, perkhidmatan dan bekalan, pemberian dan kenaan bayaran tetap, aset

(b) Hitungkan jumlah perbelanjaan pembangunan.

Jumlah perbelanjaan pembangunan

= Sektor ekonomi + Sektor keselamatan + Sektor pentadbiran am + Sektor sosial

= RM (16 489 + 24 615 + 11 288 + 85 976) juta

= RM138 368 juta

3. Terangkan bagaimana dasar belanjawan negara dapat memulihkan ketidakstabilan ekonomi yang berikut.


(a) Inflasi

Inflasi dapat diselesaikan dengan menggunakan belanjawan lebihan. Kerajaan dapat meningkatkan kadar cukai, maka pendapatan boleh guna rakyat akan menurun, kuasa beli rakyat turut menurun, permintaan barang menurun dan akhirnya harga menurun. Kerajaan juga boleh mengurangkan perbelanjaan kerajaan, maka aktiviti ekonomi akan menjadi perlahan, pendapatan rakyat menurun menyebabkan permintaan turut menurun. Akhirnya harga turun dan masalah inflasi dapat diatasi.

(b) Kemelesetan ekonomi

Kerajaan boleh menggunakan belanjawan defisit untuk memulihkan ekonomi negara. Kadar cukai perlu diturunkan supaya pendapatan boleh guna dan kuasa beli rakyat meningkat. Keadaan ini akan menyebabkan permintaan meningkat dan akhirnya menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Kerajaan juga boleh meningkatkan perbelanjaan kerajaan bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Dengan pertambahan aktiviti ekonomi, peluang pekerjaan telah diwujud dan akhirnya kemelesetan ekonomi dapat dipulihkan.

4. Dengan menggunakan rajah yang sesuai, senaraikan alat dasar kewangan yang dapat mempengaruhi bekalan wang dalam ekonomi.



Terima jawapan lain yang munasabah

5. Berdasarkan maklumat di bawah, kenal pasti alat dasar kewangan yang digunakan oleh bank pusat untuk mengawal ekonomi.

Keterangan		Alat dasar kewangan
(a)	Simpanan wajib wang tunai di bank perdagangan berdasarkan jumlah deposit yang diterima	Nisbah rizab tunai
(b)	Merupakan surat bertulis yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk memperoleh pinjaman daripada masyarakat atau institusi kewangan	Surat jaminan kerajaan
(c)	Merupakan syarat dan terma semasa membuat pinjaman sewa beli	Syarat sewa beli
(d)	Merupakan simpanan wajib bank perdagangan di bank pusat berdasarkan jumlah deposit yang diterima	Nisbah rizab berkanun
(e)	Merupakan kos yang ditanggung oleh peminjam semasa membuat pinjaman	Kadar faedah

6. (a) Apakah perbezaan antara rizab berkanun dengan rizab tunai?

Rizab berkanun adalah jumlah simpanan wajib yang perlu disimpan di bank pusat oleh bank perdagangan, manakala rizab tunai merupakan jumlah simpanan wajib wang tunai yang perlu disimpan di bank perdagangan masing-masing.

- (b) Bagaimanakah kedua-dua nisbah rizab berkanun dan nisbah rizab tunai dapat mengawal bekalan wang dalam ekonomi?

Sekiranya bank pusat meningkatkan nisbah rizab berkanun dan nisbah rizab tunai, maka jumlah simpanan wajib yang perlu disimpan oleh bank perdagangan akan meningkat. Keadaan ini akan menyebabkan bank perdagangan tidak dapat membuat pinjaman yang banyak kepada firma dan orang ramai, maka bekalan wang dalam ekonomi akan berkurangan. Sebaliknya, sekiranya nisbah rizab berkanun dan nisbah rizab tunai diturunkan, jumlah simpanan wajib bank perdagangan akan berkurangan dan mampu membuat pinjaman kepada firma dan orang ramai. Ini akan menyebabkan bekalan wang di pasaran meningkat.
